**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 31 JULAI 2019 (RABU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - Kes Denggi Di Selangor Catat Angka Tertinggi | 20 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**31 JULAI 2019 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Kes Denggi Di Selangor Catat Angka Tertinggi |
| Muka Surat | 20 |

# Kes denggi di Selangor catat angka tertinggi

MH 31/7/19 MS 20

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan merekodkan sebanyak 76,795 kes denggi dilaporkan di seluruh negara bermula 30 Disember tahun lalu hingga kelmarin.

Statistik berkenaan dikeluarkan oleh Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan yang boleh dimuat naik menerusi laman rasmi http://idengue.remotesensing.gov.my, semalam.

Daripada jumlah itu, Selangor mencatatkan angka tertinggi berbanding negeri lain iaitu sebanyak 43,155 kes denggi direkodkan.

Ia diikuti Kuala Lumpur (8,633 kes), Johor (6,467 kes), Pulau Pinang (3,279 kes), Sabah (3,085 kes), Kelantan (2,643 kes), Perak (1,925 kes), Negeri Sembilan (1,424 kes) dan Melaka (1,282 kes).

Kedah pula mencatatkan 1,163 kes diikuti Pahang (1,131 kes), Sarawak (1,125 kes), Putrajaya (829 kes), Terengganu (390 kes), Perlis (238 kes) dan Labuan (26 kes).